

# **MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA LLP CAWANG MATERIEL PU SUBANG**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2293-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-llp-cawang-materiel-pu-subang](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2293-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-llp-cawang-materiel-pu-subang)

SUBANG, 17 Ogos 17 - Satu Majlis Pemakaian Pangkat anggota LLP Cawang Materiel telah disempurnakan oleh Ketua Cawang Materiel, Lt Kol Gopalan A/L Manickam TUDM di Pejabat Ketua Cawang Materiel PU Subang. Anggota LLP yang telah dinaikkan pangkat adalah FSjn Ahmad Saifullah bin Jawana @ Tawang dinaikkan ke pangkat pangkuhan PW U II kuatkuasa 3 Ogos 17.



Dalam ucapan Ketua Cawang Materiel, beliau turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada anggota LLP yang telah dinaikkan pangkat. Menurutnya lagi, kenaikan pangkat bermakna satu pengiktirafan dari pihak atasan dan bersedia mengalas tanggungjawab yang lebih besar selari dengan pangkat yang telah diberikan. Ketua Cawang Materiel juga mengingatkan semua pegawai dan anggota yang hadir pada majlis tersebut agar dapat meneruskan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan ikhlas.